



29 Jun 2013
29 June 2013
P.U. (A) 203

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENGEQUALIAN) 2013

FINANCIAL SERVICES (EXEMPTION) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (PENGECUALIAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank Negara Malaysia, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Pengecualian) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “institusi yang ditetapkan” mempunyai pengertian yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 3(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*].

Pengecualian daripada subseksyen 137(1)

3. (1) Bank Pertanian Malaysia Berhad, suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan yang mempunyai alamat berdaftarnya di Tingkat 12, Bangunan Setia 1, 15 Jalan Dungun, Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur, dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 137(1) Akta tertakluk kepada syarat bahawa Bank Pertanian Malaysia Berhad hendaklah—

(a) mematuhi apa-apa kehendak atau sekatan berhubungan dengan aktiviti penyetujuteraan depositnya sebagaimana yang dinyatakan oleh Bank secara bertulis dari semasa ke semasa; dan

(b) jika pada pendapat Bank bahawa Bank Pertanian Malaysia Berhad sedang menjalankan aktiviti penyetujuteraan deposit dengan cara yang memudaratkan kepentingan pendeposit atau orang awam secara am, mematuhi arahan Bank untuk mengambil apa-apa langkah atau

mengambil apa-apa tindakan berhubungan dengan aktiviti penyetujuteraan depositnya yang perlu untuk memperbetulkan keadaan itu.

Pengecualian daripada subseksyen 138(1)

4. (1) Bank Pertanian Malaysia Berhad, suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan yang mempunyai alamat berdaftaranya di Tingkat 12, Bangunan Setia 1, 15 Jalan Dungun, Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur, dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 138(1) Akta berkenaan dengan aktiviti penyetujuteraan deposit yang telah dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 137(1) Akta di bawah perenggan 3 tertakluk kepada syarat bahawa Bank Pertanian Malaysia Berhad hendaklah—

- (a) mematuhi apa-apa kehendak atau sekatan berhubungan dengan penerbitan apa-apa iklan berhubungan dengan aktiviti penyetujuteraan deposit sebagaimana yang dinyatakan oleh Bank secara bertulis dari semasa ke semasa; dan
- (b) jika pada pendapat Bank bahawa Bank Pertanian Malaysia Berhad telah menerbitkan apa-apa iklan berhubungan dengan aktiviti penyetujuteraan deposit yang mengelirukan atau memperdayakan, atau yang mungkin mengelirukan atau memperdayakan, mematuhi arahan Bank untuk mengambil apa-apa langkah atau mengambil apa-apa tindakan berhubungan dengan iklan itu yang perlu untuk memperbetulkan keadaan itu.

(2) Institusi yang ditetapkan yang dinyatakan dalam Jadual dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 138(1) Akta berkenaan dengan aktiviti penyetujuteraan deposit yang telah dikecualikan daripada pemakaian subseksyen 137(1) Akta tertakluk kepada syarat bahawa institusi yang ditetapkan itu hendaklah—

- (a) mematuhi apa-apa kehendak atau sekatan berhubungan dengan penerbitan apa-apa iklan berhubungan dengan aktiviti